

# FOBAN HYDRO CREAM

Fusidic Acid 2.0% w/w, Hydrocortisone 1.0% w/w

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Foban Hydro Cream
2. Bagaimana Foban Hydro Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Foban Hydro Cream
4. Cara menggunakan Foban Hydro Cream
5. Semasa menggunakan Foban Hydro Cream
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Foban Hydro Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Foban Hydro Cream. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda menggunakan Foban Hydro Cream berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemasukan tentang penggunaan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan Foban Hydro Cream

Foban Hydro Cream digunakan untuk jangkitan kulit radang (ekzema atau dermatitis) dan juga jangkitan yang disebabkan oleh kuman (bakteria).

## Bagaimana Foban Hydro Cream berfungsi

Foban Hydro Cream mengandungi bahan-bahan aktif Fusidic Acid dan Hydrocortisone.

Setiap gram krim mengandungi 20 mg Fusidic Acid dan 10mg Hydrocortisone.

Fusidic Acid adalah antibiotik yang menjalankan aktiviti antibakteria terhadap kuman (bakteria) yang terdapat pada kulit.

Hydrocortisone adalah sejenis *corticosteroid* (steroid) yang membantu untuk mengurangkan Bengkak, kegatalan dan kemerahan kulit.

## Sebelum menggunakan Foban Hydro Cream

### Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Foban Hydro Cream sekiranya:

- Anda adalah sangat sensitif terhadap sebarang bahan-bahan yang terkandung di dalam ubat ini. Anda boleh mendapatkan senarai bahan-bahan ini pada seksyen 8 risalah ini.
- Anda menghadapi jangkitan virus kulit, batuk kering, cacar air, jangkitan kulat kulit, keadaan kulit yang disebabkan oleh syphilis, dan cacar selepas vaksinasi.

### Sebelum menggunakan

Maklumkan ahli farmasi atau doktor:

- Sekiranya anda mempunyai jangkitan pada kulit dan nyatakan kawasan jangkitan.
- Jika anda menggunakan mana-mana ubat yang memerlukan preskripsi, ubat-ubatan tanpa preskripsi atau produk kulit.

Langkah berjaga-jaga/amaran:

- Berhati-hati jika anda gunakan Foban Hydro Cream pada muka. Ia tidak boleh disapu di sekitar mata kerana mungkin mengakibatkan glaucoma jika termasuk dalam mata.
- Jangan gunakan Foban Hydro Cream untuk jangka masa yang lama atau dengan kuantiti yang banyak terutamanya pada bayi. Ia akan meninggikan risiko mendapat kesan sampingan.
- Jangan gunakan Foban Hydro Cream lebih daripada 7 hari jika kulit anda tidak bertambah baik.

Kehamilan dan penyusuan badan:

- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum penggunaan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.
- Ubat ini tidak boleh digunakan secara meluas, dalam kuantiti yang besar atau untuk jangka masa yang panjang jika anda hamil.
- Tiada rekod menunjukkan ubat ini selamat digunakan semasa kehamilan dan laktasi (penyusuan).
- Jangan menyapu ubat ini ke atas dada sebelum menyusukan anak.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil sebarang produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang memerlukan preskripsi dan produk-produk herba).

## Cara menggunakan Foban Hydro Cream

### Berapa banyak harus digunakan

Untuk orang dewasa dan kanak-kanak, pada luka yang tidak dibalut: sapukan ubat 2-3 kali sehari secara lembut.

# FOBAN HYDRO CREAM

Fusidic Acid 2.0% w/w, Hydrocortisone 1.0% w/w

Kurangkan kekerapan penggunaan pada luka yang dibalut. Untuk maklumat yang lebih terperinci, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

## Bila perlu digunakan

Gunakan ubat selepas membersihkan bahagian terjejas.

## Berapa lama perlu digunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi untuk tempoh rawatan.

## Jika terlupa menggunakan

Gunakan dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatinya. Penggunaan seterusnya adalah seperti biasa.

## Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Mengambil dos secara berlebihan boleh membahayakan. Walaupun kesan sampingan yang serius mungkin tidak berlaku dengan pengambilan Foban Hydro Cream yang berlebihan, risiko tinggi terhadap kesan sampingan topikal atau sistemik mungkin terjadi. Hubungi doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat.

## **Semasa menggunakan Foban Hydro Cream**

### Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda bahawa anda sedang menggunakan Foban Hydro Cream.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan Foban Hydro Cream sekiranya anda mengalami iritasi atau alahan selepas menggunakan ubat ini.

## Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini hendaklah digunakan secara berwaspada apabila disapukan di kawasan berhampiran mata. Jika terkena mata anda, basuhkan mata anda dengan pencuci mata. Mata anda mungkin menyengat. Sekiranya anda mengalami sebarang masalah penglihatan atau sakit mata, hubungi doktor anda dengan segera.

Jangan menggunakan ubat ini dalam jangka masa yang lama, melainkan doktor atau ahli farmasi anda telah memberitahu anda begitu.

Jangan telan ubat ini. Kuantiti yang kecil mungkin tidak akan menyebabkan apa-apa kemudaratan. Jika anda tidak sengaja menelan dalam kuantiti yang banyak, sila hubungi doktor anda dengan segera.

## **Kesan-sesan sampingan**

Foban Hydro Cream boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini pada segelintir orang. Semua ubat boleh menyebabkan kesan sampingan. Kadang kala ia serius, tetapi, kebiasaannya ia tidak serius.

Kesan sampingan berkemungkinan berkaitan dengan ubat ini yang telah dilaporkan ialah kekeringan, kegatalan, dan iritasi.

Jika anda menggunakan ubat ini pada muka, jerawat atau ruam mungkin akan timbul di sekeliling mulut, hidung, pipi dan dahi.

Berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan bantuan segera jika anda mengalami: kesukaran bernafas, muka dan tekak membengkak dan kulit ruam yang teruk.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Foban Hydro Cream**

### Penyimpanan

Pastikan tiub ditutup dengan rapat. Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat kering dan sejuk serta terlindung daripada cahaya. Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak.

### Pelupusan

Ubat tidak boleh dibuang ke dalam sisa air. Buang ubat selepas tarikh luput.

## **Maklumat lanjut**

### Rupa dan warna produk

Foban Hydro Cream ialah krim yang halus dan berwarna putih.

Foban Hydro Cream boleh didapati dalam tiub aluminium 5g atau 15g.

### Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif: Setiap gram krim mengandungi 20 mg Fusidic Acid dan 10mg Hydrocortisone.

Bahan tidak aktif: Cetomacrogol 1000, white soft paraffin, cetostearyl alcohol, liquid paraffin, methyl paraben, propyl paraben, purified water, propylene glycol.

# **FOBAN HYDRO CREAM**

Fusidic Acid 2.0% w/w, Hydrocortisone 1.0% w/w

---

Nombor MAL

MAL04125484A

**Pengilang & Pemegang  
Pendaftaran Produk**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
24/03/2015

**Nombor Siri:**

BPFK(R4/1) 240315/00044